

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam **1200, 8 Februari 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG,
SUKU TAHUN KEEMPAT 2022

Hasil Sektor Perkhidmatan Meningkat 14.9 peratus pada Suku Tahun Keempat 2022 untuk Merekodkan RM528.8 bilion

PUTRAJAYA, 8 FEBRUARI 2023 – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan dua digit 14.9 peratus pada suku tahun keempat 2022 untuk merekodkan sebanyak RM528.8 bilion, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Keempat 2022** yang diterbitkan secara rasmi pada hari ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Ejen Hartanah dan Pendapatan e-dagang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Prestasi sektor Perkhidmatan pada suku keempat 2022 ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 15.0 peratus kepada RM425.8 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi masing-masing meningkat 13.1 peratus dan 14.4 peratus kepada RM75.8 bilion dan RM16.4 bilion."

Mengulas lanjut berkenaan prestasi tersebut, Dato' Sri Mohd Uzir menjelaskan jumlah hasil keseluruhan sektor perkhidmatan tahun 2022 adalah RM2.0 trilion iaitu

meningkat 20.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021:RM1.7 trilion). Jumlah hasil yang dicatatkan telah melebihi 13.7 peratus berbanding nilai yang dicatatkan sebelum pandemik (2019: RM1.8 trilion). Prestasi ini disumbangkan oleh oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit, Maklumat & Komunikasi dan Kesihatan Swasta masing-masing meningkat 17.2 peratus, 16.6 peratus dan 17.6 peratus berbanding 2019. Namun begitu, terdapat beberapa subsektor yang masih belum melepasi nilai hasil sebelum pandemik iaitu Makanan & Minuman (-8.4%), Penginapan (-18.8%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi (-35.8%). Ini berikutan bilangan ketibaan pelancong asing ke Malaysia masih dalam fasa pemulihan selepas pembukaan sempadan antarabangsa bermula 1 April 2022 dan belum melepasi paras prapandemik.

Sementara itu, bagi pendapatan e-dagang, Ketua Perangkawan mengulas, “ia mencatatkan nilai sebanyak RM302.3 bilion iaitu bertumbuh 4.1 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun keempat 2022. Bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, pendapatan e-dagang meningkat 4.5 peratus.”

Bagi analisis prestasi mengikut subsektor, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan peningkatan tertinggi RM50.7 bilion atau 14.3 peratus tahun-ke-tahun. Ini diikuti oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan dan Makanan & Minuman masing-masing meningkat 28.1 peratus dan 23.4 peratus kepada RM34.5 bilion dan RM17.2 bilion pada suku keempat 2022.

Beralih ke analisis perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil pada suku keempat 2022 merekodkan kenaikan 2.2 peratus atau RM11.3 bilion. Peningkatan ini turut didorong oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan, masing-masing meningkat 1.8 peratus dan 4.1 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan “Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 3.84 juta orang, meningkat sebanyak 111.4 ribu orang atau 3.0 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 64.6 ribu orang atau 3.4 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat sebanyak 25.0 ribu orang atau

7.5 peratus. Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja bertumbuh 0.6 peratus, meningkat 21.4 ribu orang.

Gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.5 bilion atau 5.9 peratus tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang menaik 4.6 peratus kepada RM13.9 bilion dan diikuti oleh Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat 9.5 peratus kepada RM2.8 bilion. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah menaik 1.1 peratus untuk mencatatkan RM26.4 bilion pada suku tahun keempat 2022.”


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai jenis data. OpenDOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

8 FEBRUARI 2023


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan, ST1 2019 – ST4 2022 (RM Bilion)




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan, ST1 2019 – ST4 2022 (RM Bilion)




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, ST1 2019 – ST4 2022 (RM Bilion)




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi, ST1 2019 – ST4 2022 (RM Bilion)



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional dan Ejen Hartanah, ST1 2019 – ST4 2022 (RM Bilion)



Carta 6: Pendapatan E-commerce, ST1 2020 – ST4 2022 (RM Bilion)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

8 FEBRUARI 2023